

19/09/1998

KL '98 cipta pelbagai kejayaan buat negara

SUKAN KOMANWEL XVI (KL '98) Kuala Lumpur 98 yang hampir tiba ke penghujungnya, selain temasya kedua besarnya selepas Olimpik ia juga yang terakhir diadakan sebelum kita melangkah ke alaf baru. Sukan kali ini juga adalah paling ramai disertai dimulakan pada 1930, menyaksikan penyertaan 4,208 ahli sukan dan 2,460 pegawai daripada 70 negara.

Pengkritik dalam dan luar negara, walaupun masih ada, pasti ikut mengkagumi temasya warna-warni pada hari pembukaannya yang disaksikan kira-kira 100,000 penonton di Stadium Nasional Bukit Jalil, Sabtu lalu.

Saya tidak dapat menyaksikan pembukaannya di stadium kerana masalah kesihatan, sebaliknya menonton televisyen bersama keluarga. Agak kesal hati kerana tidak dapat menyaksikan temasya gilang-gemilang di stadium.

Sesungguhnya mereka yang bertuah menyaksikan majlis pembukaan itu tidak akan melupakan pengalaman mereka seumur hidup. Penonton seperti saya dan keluarga yang menyaksikan di rumah dikatakan berjumlah 800 juta di seluruh dunia. Kami ikut bertepuk manakala pasukan Malaysia berbaris gagah dengan pakaian baju Melayu dan songkok mereka diketuai seorang pegawai mengibarkan Jalur Gemilang. Tepuk sorak bergemuruh dalam stadium menyambut pasukan Malaysia. Paling menarik perhatian kami ialah tarian kebudayaan kira-kira 2,000 kanak-kanak sekolah dan penari yang berpakaian seperti lebah dan daun, menggambarkan kekayaan alam semulajadi negara kita. Ia turut disertai kanak-kanak sekolah dan peserta segala kelompok etnik dengan tema tarian serta tablo yang mencerminkan watak masyarakat majmuk kita.

Kami dapat mendengar suara Ella, Sheila Majid, Ziana Zian dan Amy Mastura menghiburkan penonton. Keseluruhan majlis pembukaan itu berjalan lancar dan kemas dari mula hingga akhir. Jeneral (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali berucap mengalu-alukan tetamu negara disusul pula Putera Edward yang membacakan kata-kata aluan Ratu Elizabeth diikuti Yang di-Pertuan Agong secara rasmi membuka temasya itu.

Maka bermulalah temasya Sukom dengan rasminya tanpa sebarang gangguan dan kecacatan. Insya-Allah, menjelang beberapa hari lagi berakhir, ia berjalan lancar dan teratur, berkat pengorbanan tenaga dan kepakaran setiap seorang yang terbabit merancang, melaksanakan dan mentadbir temasya itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan puashatinya dengan temasya itu berjalan lancar. Begitu bangga beliau dengan kejayaan temasya itu hingga secara terbuka menyatakan keyakinannya bahawa Malaysia berupaya menjadi tuan rumah Sukan Olimpik pada tahun 2008.

"Kita tahu negara tuan rumah untuk sukan tahun 2000 ialah Sydney, Australia dan tahun 2004 ialah di Athens. Tetapi negara tuan rumah untuk 2008 belum lagi ditetapkan", kata Perdana Menteri. "Saya fikir banyak negara berminat untuk menjadi tuan rumah Olimpik itu", katanya.

Tambah beliau, Malaysia perlu mengasuh ahli sukan bertaraf antarabangsa sebelum mencuba menjadi tuan rumah sukan Olimpik. Tidak memadai hanya kita mempunyai prasarana yang baik sebaliknya juga ahli sukan bertaraf antarabangsa.

Setakat ini beberapa ahli sukan kita sudah merangkul pingat menunjukkan prestasi kita tidak menghampakan sama sekali. Ada beberapa acara tertentu yang mana ahli sukan kita mempunyai harapan meraih pingat emas.

Tetapi KL '98 tidak hanya pertemuan ahli sukan. Ia juga satu peristiwa yang penting mempererat persahabatan dan rasa persefahaman antara sesama

anggota Komanwel. Lebih penting daripada sifatnya sebagai sebuah temasya sukan antarabangsa, KL '98 memberikan kita kesempatan yang baik untuk mempamerkan negara kita. Terlalu banyak gambaran yang salah dilukis oleh pihak tertentu di luar negara mengenai Malaysia hingga kemampuan kita mengadakan temasya sukan inipun sengaja disangsikan termasuk oleh negara yang kononnya menjadi sahabat kita. Kononnya kita tidak mempunyai kepakaran untuk mengendalikan temasya sukan sebesar KL '98. Kononnya ahli sukan akan menghadapi bahaya jerebu. Malangnya ada pihak tertentu di kalangan rakyat sendiri yang tidak menyakini keupayaan kita menjadi tuan rumah. Mereka mencari kesilapan dan kelemahan kita sambil membesarkannya agar rakyat kurang keyakinan terhadap kemampuan negara mengendalikannya.

Alhamdulillah, sikap negatif mereka terbukti bohong. Prasarana yang kita sediakan untuk menjayakan KL'98 mendapat pujian tetamu asing. Setakat ini tidak terdengar rungutan apa lagi kritikan ratusan wartawan asing yang membuat liputan di Bukit Jalil. Tetamu kita termasuk pegawai yang mengiringi pasukan masing-masing dilayan mesra dan penuh muhibbah oleh rakyat dan petugas kita.

Saya mengikuti liputan dan ulasan wartawan asing televisyen dan mendapati mereka tidakpun membayangkan prasangka melainkan cukup objektif dan saksama kecuali sikap rangkaian televisyen Singapura CNBC. Menurut rangkaian televisyen itu, kononnya kemudahan Bukit Jalil akan menjadi 'Gajah Putih' selepas tamatnya KL '98. Rangkaian TV itu juga mencaci kemudahan pengangkutan dan sengketa antara penaja mengenai hak pemasaran. Tetapi umumnya wartawan asing mengakui prasarana KL '98 adalah amat memuaskan.

Sudah tentu impian kita ialah menjadi negara paling banyak meraih pingat emas tetapi matlamat itu barangkali sukar dicapai. Bagaimanapun, tidak mustahil prestasi kita akan lebih baik daripada Sukan Komanwel yang lalu. Prestasi seperti ini mencukupi untuk melambangkan kemajuan kita dalam sukan. Kejayaan ini memadai untuk kita membangun dan memajukan Malaysia sebagai sebuah negara yang terhandal sekurang-kurangnya di rantau ini dan di Asia. Prestasi yang baik dalam KL '98 adalah dorongan kepada ahli sukan kita dalam setiap acara untuk meningkatkan tahap pada masa hadapan.

Satu kesan sampingan daripada KL '98 yang barangkali akan menjadi kenyataan ialah prestasi baik kali ini diharapkan dapat merangsang masyarakat kita terhadap sukan. Syabas kepada semua pihak yang menjayakan KL '98. 'Malaysia Boleh'.

(END)